

**Khusyuk Dalam Solat: Analisis Perbandingan Makna  
Khusyuk Diantara Tafsir Al-Jalalayn Dan Tafsir Melayu  
Nusantara**  
**The *Khusyu* ' During Prayer: Comparative Analysis Of The  
Meaning Of *Khusyu* ' In The Arabic And Nusantara Tafsir  
Books**

**Mabruri Mohammad Sai,**

Pelajar Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM, Bangi Selangor Darul Ehsan  
mabrurim@yahoo.com

**Prof. Madya Dr. Aminudin Bin Basir @ Ahmad,**

Felo Kanan Bersekutu, Institut Islam Hadhari, Pensyarah Pusat Citra,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi Selangor Darul Ehsan  
manhaj@ukm.edu.my

**Prof. Madya Dr. Mohamad Sabri Haron,**

Felo Kanan Bersekutu, Institut Islam Hadhari, Pensyarah Pusat Citra,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi Selangor Darul Ehsan  
sabrie@ukm.edu.my

**Prof. Dr. Khairul Anwar @ Johari Mastor,**

Felo Utama, Institut Islam Hadhari, Pensyarah Pusat Citra,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi Selangor Darul Ehsan  
kam2000@ukm.edu.my

**Abstrak**

Khusyuk adalah salah satu sifat penting yang dijelaskan oleh al-Quran dan al-Sunnah dengan pengertian yang sangat luas dan mendalam. Bagi orang yang beriman, khusyuk adalah salah satu sifat yang perlu ada pada dirinya kerana sifat ini dapat membawa kejayaan dan kecemerlangan dalam hidupnya. Pada hakikatnya khusyuk mempunyai pengertian yang sangat luas serta berkait dengan hampir keseluruhan hidup manusia. Justeru apakah pengertian khusyuk yang sebenarnya. Apakah maksud khusyuk menurut pengertian yang dijelaskan dari sudut bahasa Arab?

Apakah pula pengertian khusyuk yang dikupas dan yang ditafsirkan di dalam al-Quran? Lantaran itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui dan meninjau dengan mendalam pengertian khusyuk dari kupasan dan huraian bahasa Arab. Kajian ini juga adalah untuk meneroka dan menganalisis penggunaan dan makna khusyuk yang terdapat dalam al-Quran. Bagi mencapai objektif ini maka metod kajian kualitatif digunakan, iaitu analisis dokumen. Analisis dokumen dilakukan dengan menggunakan dua jenis dokumen, iaitu primer dan sekunder. Dokumen primer dirujuk pada empat kitab tafsir berbahasa Arab. Sementara dokumen sekunder diperolehi daripada mu<sup>c</sup>jam dan kamus bahasa Arab yang pelbagai serta laman sesawang yang berwibawa. Hasil kajian mendapati bahawa khusyuk yang berasal daripada akar kata kha-sha-‘a dalam sembilan kamus bahasa Arab mempunyai 11 makna. Bahkan hampir semua sepakat menyamakannya dengan khudu’ dan membezakannya pada hati. Dalam al-Quran didapati ia disebut sebanyak 17 kali dalam 16 surah yang berbeza dan mempunyai pengertian yang luas. Para pentafsir mentafsirkan perkataan khusyuk ini sesuai dengan penggunaan perkataan khusyuk tersebut. Namun begitu, secara amnya semua pentafsir mentafsirkan perkataan khusyuk dengan khudu<sup>c</sup> dan tawadu’ serta perkataan-perkataan yang sama maksud dengannya sesuai dengan konteks ayat tersebut. Implikasi dari pengertian khusyuk menurut al-Quran dan al-hadith ini adalah sangat besar, khususnya dari sudut pemahaman kepada masyarakat. Dapatan ini dilihat dapat memberi sumbangan baru bagi memahami pengertian khusyuk yang sebenar.

**Kata Kunci:** Khusyuk, al-Jalalayn, Tafsir Nusanara, kamus bahasa Arab, *khudu’* dan *tawadu’*

### **Abstract**

Khusyu’ is one of the most important attributes described in the Quran and the Hadith in a very broad and profound sense. For the believer, khusyu’ is one of the qualities that he must possess because it can bring success and glory to his life. In fact, khusyu’ has a very broad meaning and relates to almost all human life. Thus, what is the true

**Khusyuk Dalam Solat: Analisis Perbandingan Makna Khusyuk Diantara 212  
Tafsir Al-Jalalayn Dan Tafsir Melayu Nusantara**

meaning of khusyu'. What is the meaning of khusyu' in the Arabic language? What is the meaning of khusyu' that is interpreted in the Quran? Therefore, the purpose of this study is to find out and review the meaning of khusyu' from the Arabic language. This study is also to explore and analyze the use and meaning of khusyu' found in the Quran. For these purposes, a qualitative research method is used, namely document analysis. The document analysis is set up by using two types of document; primary and secondary document. The primary documents were obtained from four of Arabic tafsir books. whilst, the secondary data were obtained from the various Arabic language dictionaries and the website. This study demonstrates that Khusyu' comes from the root word kha-sha-'a in nine Arabic dictionaries have 11 meanings. Even almost all agree to treat it with khudhu' and distinguish it from the heart. In the Quran it is mentioned 17 times in 16 different chapters and is widely used. The mufasssirin have interpreted the word khusyu' according to its use. However, in general all interpreted it with khudhu' and tawadu' as well as words with the same meaning in accordance with the context. The implication of this definition of Khusyu' according to the Quran and the hadith is very large, especially from the point of view of community. This finding is seen as contributing to a new understanding of true meaning.

**Keywords:** *Khusyu'*, al-Jalalayn, Nusantara tafsir books, Arabic dictionaries, *khudhu'* and *tawadu'*

## 1. PENDAHULUAN

Dalam surah *al-Mu'minun* ayat pertama hingga sebelas, Allah SWT menyebutkan tujuh buah sifat yang menjadikan orang-orang mukmin memperoleh *al-Falah* (kemenangan). Di antara ketujuh-tujuh sifat yang tersebut, ada dua perkara yang sama namun turutan penyebutan dan sifat kedua-duanya sangat berbeza, iaitu solat. Sifat pertama yang akan memperolehi kemenangan seperti yang disebut ialah orang yang khusyuk dalam solatnya (*Al-Ladhina hum fi salatihim khashi'un*) dan sifat terakhir yang disebut ialah orang yang memelihara solatnya (*Wal-ladhina hum 'ala salawatihim yuhafizun*).

Imam Ibn Kathir dalam tafsirnya *Tafsir al-Qur'an al-Azim* (1421H/2000M) menyimpulkan mengenai turutan penyebutan sifat-sifat yang mulia ini yang dimulai dengan solat dan diakhiri juga dengan solat sebagai tanda yang menunjukkan mengenai keutamaan solat ini. Soalannya ialah ketika tujuh sifat ini merupakan satu pakej yang lengkap dan tidak boleh dipisahkan, maka manakah di antara kedua-dua sifat itu yang lebih utama. Apakah solat yang khusyuk atau menjaga solat? Berdasarkan pada zahir ayat, solat yang khusyuk adalah lebih utama, kerana dalam turutan penyebutannya disebutkan pertama kali.

Soalan yang utama adalah apakah yang dimaksudkan dengan khusyuk. Apakah khusyuk itu bermakna tenang atau memberi tumpuan pada bacaan atau komunikasi dengan Allah SWT atau membayangkan kaabah, membayangkan surga dan neraka dan membayangkannya sebagai solat yang terakhir atau berdiri tegak, sempurna dalam pergerakan solat dan tamakninah atau mengosongkan fikiran daripada memikirkan hal duniawi atau mendengar dengan teliti bacaan sendiri dan imam atau mengetahui bacaan-bacaan solat dan ayat-ayat yang dibaca atau memfokuskan pandangan pada tempat sujud atau menyempurnakan wuduk atau khusyuk adalah masalah hati atau ada makna lain bagi khusyuk ini.

Berdasarkan kajian awal tersebut, didapati bahawa kajian tematik mengenai khusyuk yang mengumpulkan seluruh ayat-ayat dalam al-Quran dan hadith-hadith dengan tema khusyuk dalam kitab-kitab hadith muktabar (*kutubut-tis'ah*) adalah belum ditemui lagi. Kajian yang ada majoritinya adalah mengenai tata cara solat, permasalahan seputar solat dan khusyuk dalam solat tanpa menggunakan kaedah *mawdu'i*.

Kajian mengenai khusyuk yang ada kebanyakannya adalah khas khusyuk dalam solat dengan perbincangan yang singkat tanpa mengumpulkannya dengan metod *mawdu'i* (tematik). Sehingga yang terjadi adalah penekanan-penekanan yang berbeza daripada masing-masing penulis. Antaranya ada yang lebih menekankan pada pemahaman bacaan dalam solat, misalnya buku *Fahami bacaan Dalam Solatmu Asas Khusyuk Ketika Solat* oleh Ibrahim Hashim et.al (2011); Ada yang lebih menekankan pada gerakan-gerakan solat, misalnya *Rahsia Kekhusyukan*

**Khusyuk Dalam Solat: Analisis Perbandingan Makna Khusyuk Diantara 214  
Tafsir Al-Jalalayn Dan Tafsir Melayu Nusantara**

*Wanita Dalam Solat* (terj.) oleh Bakar Muhammad Ibrahim (2012) yang banyak membahaskan perbahasan khusyuk dalam gerakan-gerakan solat. Iaitu khusyuk dalam takbir dengan tajuk: *Khusyuk Dalam Sembahyang* (hlm:38), *Khusyuk Dalam Rukuk* (hlm:59), *Khusyuk Dalam Sujud* (hlm:65) dan *Khusyuk Dalam Tasyahud* (hlm:73). Ada yang lebih menekankan pada kehadiran hati dalam solat misalnya *Khusyuk Dalam Solat-Kunci Kerehatan Jiwa* (terj.) oleh Imam al-Ghazali (1995); dan ada yang lebih menekankannya pada perubahan pada diri dan persekitaran setelah solat misalnya *Keajaiban Khusyuk Dalam Solat Mengupas Pengaruh Solat Yang khusyuk Dalam Kehidupan Sehari-hari* oleh Salim bin Idul Hilal (t.th) dan *Zikir Dan Do'a Mendirikan Shalat Yang Khusyuk Mencegah Manusia Dari Perbuatan Keji Dan Mungkar* oleh Mawardi Labay El-Sulthani (2001).

Oleh itu, perbahasan-perbahasan mengenai khusyuk yang ada adalah khas pada khusyuk dalam solat dengan penekanan yang berbeza. Punca penekanan yang berbeza-beza daripada para penulis buku mengenai khusyuk adalah perbezaan terhadap pengertian khusyuk itu sendiri. Justeru satu kajian khas dan mendalam berkenaan dengan pengertian khusyuk perlu dilakukan dengan merujuk pada al-Quran dan hadith-hadith Nabi ﷺ, kerana kedua-duanya merupakan rujukan utama bagi seluruh umat Islam, serta kamus-kamus bahasa Arab. Ini kerana perkataan khusyuk sendiri adalah berasal daripada bahasa Arab, maka merujuk pada kamus-kamus bahasa Arab untuk mendapat makna sebenar adalah satu kemestian.

Oleh yang demikian, kajian ini menyampaikan beberapa perkara: Pertama, untuk mengetahui dan menentukan makna khusyuk dengan merujuk pada kamus-kamus bahasa Arab yang muktabar dan dijadikan rujukan.

Kedua, untuk mengetahui dan menganalisa makna khusyuk dalam al-Quran berdasarkan pada kitab-kitab tafsir yang muktabar dan dijadikan rujukan dalam tafsir-tafsir berbahasa Arab dan Nusantara.

## **2. MAKNA KHUSYUK DALAM KAMUS-KAMUS BAHASA ARAB**

Khusyuk adalah perkataan yang berasal daripada bahasa Arab. Maka untuk mencari ketepatan makna khusyuk tersebut adalah menjadi kemestian untuk merujuk maknanya pada kamus-kamus bahasa Arab. Berdasarkan kajian analisis pada sembilan kamus bahasa Arab muktabar terpilih, didapati bahawa kamus-kamus ini bukan sahaja memberi makna untuk perkataan khusyuk, kamus-kamus ini juga memberi makna untuk perkataan khusyuk apabila berganding dengan perkataan tertentu. Makna ini dikenali juga dengan makna *majaz* (makna kiasan atau konotasi).

Berdasarkan kajian analisis pada sembilan kamus ini didapati juga bahawa perkataan khusyuk dalam bahasa Arab mempunyai makna yang pelbagai. Selain itu, perkataan khusyuk dalam kamus-kamus ini juga datang dengan pelbagai bentuk berdasarkan sumber dan periwayatannya, iaitu daripada sumber yang muktabar seperti al-Quran, al-hadith dan syair-syair Arab.

#### • **Makna Perkataan Khusyuk**

Berdasarkan kajian analisis terhadap sembilan kamus bahasa Arab muktabar terpilih didapati bahawa makna khusyuk mempunyai 11 makna dan kebanyakannya kamus-kamus ini tidak memaknai khusyuk hanya dengan satu makna sahaja. Bahkan satu kamus ada yang memaknainya hingga sepuluh makna.

Maka berdasarkan pada jumlah makna yang disebut oleh kamus bahasa Arab untuk makna khusyuk, kamus *Lisanul-'Arab* (t.th.) merupakan kamus yang paling banyak menyebut makna khusyuk dengan menyebut sepuluh makna khusyuk; Seterusnya kamus *Tajul-'Arus* (1983M/1403H) dengan menyebut sembilan makna khusyuk; kemudian kamus *Mu'jamul-wasit* (2004M/1425H) dengan menyebut enam makna khusyuk; *Mu'jam Maqayisil-lughah* (1979M/1399H) menyebut lima makna khusyuk; *Kitabul-'Ayn* (2003M/1424H) menyebut empat makna khusyuk; kamus *Jamharatul-lughah* (1344H) menyebut tiga makna khusyuk; kamus *Al-Furuqul-lughawiyah* (1433H) menyebut dua makna khusyuk; kamus *Mukhtarus-Sihahh* (1986) dan *Al-Misbahul-munir* (t.th.), menyebut masing-masing satu makna untuk khusyuk.

Makna khusyuk yang 11 dalam sembilan kamus tersebut ialah: Pertama, *khada'a* (خضع) iaitu tunduk atau merendahkan diri. Kedua,

**Khusyuk Dalam Solat: Analisis Perbandingan Makna Khusyuk Diantara 216  
Tafsir Al-Jalalayn Dan Tafsir Melayu Nusantara**

*tadarr'a* (تضرع) iaitu merendahkan diri. Ketiga, *tawada'a* (تواضع), iaitu tawaduk/merendahkan diri. Keempat, *tadhalla* (تذلل) iaitu merendahkan diri. Kelima, *akhbata* (أخبت) iaitu merendahkan diri. Keenam, *istakana* (استكان) iaitu tunduk atau menyerah. Ketujuh, *raka'a* (ركع) iaitu rukuk atau membungkuk. Kelapan, *tatamana* (تطامن من طامن) membungkukkan belakang. Kesembilan, *rama bibasarih nahwa al-ard* (رمي ببصره نحو الأرض) iaitu menjatuhkan/mengarahkan pandangan ke arah tanah. Kesepuluh, *khafada sawtah* (خَفَضَ صَوْتَهُ) iaitu merendahkan suara. Kesebelas, *ta'ta'ara'sahu aw sadrahu* (طأطأ رأسه او صدره) menundukkan kepala atau dadanya.

**• Makna Utama Khusyuk: Diantara *khudu'* dan *tawadu'***

Apabila merujuk pada 11 makna asal untuk perkataan khusyuk tersebut, didapati bahawa semua makna mempunyai hubungan diantara satu sama lain. Menggambarkan suatu keadaan dimana khusyuk itu terlahir daripada hati yang penuh kerendahan, yang membuatkan diri tunduk menyerah dan merendah, sehinggakan keadaan tersebut tergambar secara zahir, dimana mata, suara dan kepala menunduk dan merendah penuh tawaduk.

Akan tetapi, apabila dilihat lebih teliti, maknanya lebih dominan pada makna merendah dan tunduk. Kerendahan penuh ketawadukan yang tergambar melalui ketundukkan sebahagian anggota badan seperti mata, hati dan kepala. Disebabkan makna khusyuk dengan tunduk (*khudu'*) itu hampir sama atau dekat, maka terdapat perbincangan khas diantara kedua-duanya.

Perbincangan ini dapat kita temukan dalam beberapa kamus, seperti: *Kitabul-'Ayn* karya al-Khalil ibn Ahmad, *Mu'jam Maqayisil-lughah* karya Ibn Faris dan *Tajul-'Arus* karya al-Zabidiyy. Namun begitu, dapat kita lihat lebih jelas lagi dalam kamus *Al-Furuqul-lughawiyah* karya Abu Hilal al-'Askariyy (1433H), yang mana kamus ini telah membezakan makna khusyuk diantara *khudu'* dan *tawadu'* dengan mendatangkan pendapat para ulama.

Berdasarkan kajian analisis pengkaji mendapati bahawa terdapat persamaan makna khusyuk dengan *khudu'* iaitu dalam “tunduk”. Namun

begitu, terdapat sedikit perbezaan, dimana “tunduk” dalam khusyuk berasal daripada rasa kerendahan dalam hati yang tidak ada kepura-puraan atau keadaan yang dibuat-buat. Sehingga sikap telus ini mendatangkan adanya “tunduk” dalam suara dan pandangan. Sedangkan “tunduk” dalam *khudu’* berasal bukan daripada hati, tetapi kepura-puraan, keadaan yang dibuat-buat, sekedar merendahkan dan sekedar menundukan badan. Oleh itu, ada pendapat yang menyatakan *khudu’* tidak boleh disandarkan pada hati, kerana ia bukan berasal daripada hati yang telus, tetapi daripada kepura-puraan. Sekedar badan yang menunduk, tanpa hati yang menunduk.

Selain khusyuk dan *khudu’*, ada juga yang menyamakan makna khusyuk dengan tawaduk dengan sedikit perbezaan juga. Khusyuk bermakna tawaduk iaitu “rendah hati”. Perbezaan diantara kedua-duanya iaitu “rendah hati” yang berasal daripada tawaduk akan nampak pada akhlak, perbuatan yang zahir dan batin (tidak nampak). Sedangkan “rendah hati” dalam khusyuk, boleh jadi tidak nampak dalam akhlak atau perbuatan zahir dan batin, kerana adanya kemungkinan kepura-puraan dalam khusyuk, yang dikenali dalam bahasa Arab dengan istilah *takashshu’* (تَكْشُّعٌ) yang bermaksud pura-pura khusyuk.

Berdasarkan kajian pada 11 makna khusyuk yang terdapat dalam sembilan kamus bahasa Arab, dapat disimpulkan bahawa 11 makna khusyuk ini bersatu dalam dua makna utama, iaitu: Pertama, tunduk dan kedua, merendah.

### 3. KHUSYUK DALAM AL-QURAN

Perkataan Khusyuk disebut sebanyak 17 kali dalam al-Quran dan terdapat dalam 16 surah yang berbeza dengan pelbagai perubahan bentuk dalam lafaznya. Ayat-ayat khusyuk ini ada dalam surah *Al-Baqarah*, 2:45; *Ali ‘Imran*, 3:199; *Al-Isra’*, 17:109; *Taha*, 20:108; *al-Anbiya’*, 21:90; *al-Mu’minun*, 23:2; *al-Ahzab*, 33:35; *Fussilat*, 41:39; *Ash-Shura*, 42:45; *Al-Qamar*, 54:7; *Al-Hadid*, 57:16; *Al-Hashr*, 59:21; *al-Qalam*, 68:43; *al-Ma’arij*, 70:44; *an-Nazi’at*, 79:9 dan surah *al-Ghashiyah*, 88:2 (‘Abdul-Baqiyy. 1407H/1987M; Barakat. 1388H/1968M; al-Muqaddasiyy. 1323H; ‘Itaniyy. 1421H/2000M; Ibrahim. t.th.; Badawi,



**Khusyuk Dalam Solat: Analisis Perbandingan Makna Khusyuk Diantara 218  
Tafsir Al-Jalalayn Dan Tafsir Melayu Nusantara**

Elsaid M. & Muhammad Abdel Haleem. 2008 dan M. Quraish Shihab. 2007M/1428H).

**• Penggunaan Perkataan Khusyuk Dalam Al-Quran**

Perkataan khusyuk dalam al-Quran digunakan meluas untuk para nabi, orang-orang beriman bahkan untuk orang-orang yang kafir dan pada benda-benda yang tidak bernyawa. Secara ringkasnya, penggunaan perkataan khusyuk dalam al-Quran dapat dibezakan menjadi empat kategori. Pertama, perkataan khusyuk untuk orang-orang beriman. Kedua, untuk orang kafir. Ketiga untuk manusia secara am dan keempat untuk bukan manusia.

Penggunaan perkataan khusyuk untuk orang-orang yang beriman ini merangkumi perkataan khusyuk untuk menjelaskan sifat solat orang-orang yang beriman (*al-Mu'minun*, 23:1-2), sifat para nabi (*Al-Anbiya'*, 21:89-90), sifat orang-orang beriman (*Al-Baqarah*, 2:45-46 dan *al-Ahzab*, 33:35), ahli kitab (*Ali 'Imran*, 3:199) dan orang-orang yang disebut oleh Allah SWT sebagai orang-orang yang diberi ilmu (*Al-Isra'*, 17:107-109).

Penggunaan perkataan khusyuk untuk orang kafir didapati ialah untuk menggambarkan keadaan mereka secara am (*Ash-Shura*, 42:45) dan menggambarkan keadaan wajah (*Al-Ghashiyah*, 88:1-7) serta pandangan mereka secara khas ketika dihadapkan pada neraka dan seksaan pada hari kiamat (*Al-Qamar*, 54:6-8, *Al-Qalam*, 68:42-43, *Al-Ma'arij*, 70:44 dan *An-Nazi'at*, 79:9-10). Ia didapati berulang hingga enam kali dalam surah yang berbeza dan semuanya digunakan oleh Allah SWT untuk menggambarkan keadaan orang-orang kafir pada hari kiamat kelak.

Penggunaan perkataan khusyuk untuk manusia secara am, digunakan untuk menggambarkan keadaan suara manusia pada hari kiamat (*Taha*, 20:108) dan juga hati manusia (*Al-Hadid*, 57:16). Perkataan khusyuk juga digunakan pada perkara selain manusia, seperti bumi dan gunung. Perkataan khusyuk untuk bumi digunakan untuk menunjukkan sebahagian daripada tanda-tanda kekuasaan-Nya (*Fussilat*, 41:39). Tujuan penggunaan perkataan khusyuk untuk gunung ialah untuk membuat perumpamaan (*Al-Hashr*, 59:21).

#### 4. KHUSYUK DALAM SOLAT: Kajian perbandingan diantara Tafsir al-Jalalayn dan Tafsir Quran Karim, Tafsir al-Furqan, Tafsir Quran Karim dan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman

Muhammad Husayn al-Dhahabi dalam kitabnya *al-tafsir wa al-mufasssirun* telah membezakan tafsir-tafsir mengikut cara yang berbeza. Berdasarkan pada rujukannya, tafsir-tafsir ini dapat dibezakan menjadi tafsir *bi al-ma'thur* dan tafsir *bi al-Ra'y*. Tafsir *bi al-ma'thur* menurut Muhammad Husayn al-Dhahabi (2000) ialah tafsir dengan al-Quran sendiri, kerana ada ayat yang menjelaskan dan memperincikan ayat yang lain, tafsir dengan hadith Nabi SAW dan tafsir dengan athar daripada para sahabat dan tabiin RA. Tafsir *bi al-Ra'y* menurut Muhammad Husayn al-Dhahabi (2000) ialah tafsir dengan ijtihad pentafsir. Ijtihad pentafsir yang dimaksudkan beliau ialah ijtihad setelah pentafsir tersebut mengetahui semua ilmu yang berkaitan dengan selok-belok bahasa Arab, ilmu *asbab al-Nuzul*, ilmu *nasikh mansukh* dan ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan ilmu tafsir.

Berdasarkan pada fakta yang telah dijelaskan tersebut, maka pengkaji memilih *Tafsirul-Jalalayn* karya Imam Jalalud-Din al-Mahalli dan Imam Jalalud-Din as-Suyuti dan Tafsir Quran Karim karya Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs.; Tafsir al-Furqan karya A. Hassan; Tafsir Quran Karim karya Mahmud Yunus, dan Tafsir Pimpinan al-Rahman karya Abdullah Basmeih;

##### • Makna khusyuk untuk solat menurut *Tafsirul-Jalalayn* dan empat tafsir ulama Nusantara

Ayat khusyuk untuk solat ini ada dalam surah *al-Mu'minun* ayat kedua. Dari sudut penggunaan perkataan khusyuk dalam al-Quran, ayat khusyuk dalam surah *al-Mu'minun* ini adalah termasuk dalam ayat khusyuk yang digunakan untuk orang-orang beriman. Firman Allah SWT:

الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ

(Iaitu) orang-orang yang khusyuk dalam solatnya,

*al-Mu'minun*, 23:2.

Berdasarkan kajian analisis pada keseluruhan tafsiran daripada tafsir al-Jalalayn dan empat tafsir ulama Nusantara, didapati bahawa

**Khusyuk Dalam Solat: Analisis Perbandingan Makna Khusyuk Diantara 220  
Tafsir Al-Jalalayn Dan Tafsir Melayu Nusantara**

tafsiran mereka berbeza. *Tafsir al-Jalalayn* (2003) mentafsirkannya dengan “tawaduk”; manakala empat tafsir ulama Nusantara, Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs. (2004), A. Hassan (1975), Mahmud Yunus (1878M/1398H) dan Abdullah Basmeih (1998), kesemua mereka mentafsirkan terus menggunakan perkataan khusyuk.

Jadual 1: Tafsiran ulama Nusantara terhadap ayat khusyuk dalam surah *al-Mu'minun*

No.	Sumber tafsir dan penulis	Tafsiran para ulama Nusantara
1.	<i>Tafsirul-Jalalayn</i> karya al-Mahalli dan as-Suyuti	<b>Tawaduk</b> [الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ]: مُتَوَاضِعُونَ،
2.	Tafsir Quran Karim karya Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs.	“... Mereka yang <u>khusyuk</u> <sup>1055</sup> ) dalam sembahyangnya”.
3.	Tafsir al-Furqan karya A.Hassan	“... Yang <u>khusyuk</u> <sup>2393</sup> didalam sembahyang mereka”.
4.	Tafsir Quran Karim karya Mahmud Yunus	“... (Yaitu) mereka yang <u>khusyuk</u> ’ dalam sembahyangnya”.
5.	Tafsir pimpinan al-Rahman karya Abdullah Basmeih	“... Iaitu mereka yang <u>khusyuk</u> ’ dalam sembahyangnya; <sup>(1057)</sup> ”.

Selain mentafsir terus mengguna perkataan khusyuk, kesemua pentafsir Nusantara juga membuat penjelasan, manakala *tafsirul-Jalalayn* tidak memberi apa-apa penjelasan tambahan. Penjelasan-penjelasan yang ulama Nusantara buat adalah berupa penjelasan ringkas sesuai dengan metode yang digunakan dalam tafsir mereka.

Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs. (2004. cat. Kaki no.1055) menjelaskan bahawa khusyuk bermaksud: “... tunduk hati dan tetap ingatan kepada Tuhan ketika mengerjakan sembahyang atau ketika memohonkan do’a kepadaNya”. A. Hassan (1975. cat. Kaki no.2393) menjelaskan ia ialah “... merendah diri dengan anggota dan hati”. Mahmud Yunus (1878M/1398H) menjelaskan, “... Arti khusyuk’ itu ialah berhati tenang dalam sembahyang dan takut kepada Allah serta memperhatikan apa-apa yang dibaca dalam sembahyang”.

Sedikit berbeza dengan pentafsir-pentafsir tersebut, Abdullah Basmeih mengkhaskan penjelasannya dengan menjelaskan makna khusyuk dalam solat. Menurut Abdullah Basmeih (1998. cat. Kaki no.1057) “... Sembahyang yang sempurna ialah yang dikerjakan dengan

khusyu’, ya’ni dengan sepenuh-penuh hormat dan ingatan meliputi anggota-anggota badan dan hati”.

## 5. KESIMPULAN

Berdasarkan pada keseluruhan tafsir dan penjelasan daripada tafsir al-Jalalayn dan para ulama tafsir Nusantara tersebut, dapat disimpulkan bahawa para pentafsir ini mentafsirkan khusyuk dalam surah *al-Mu’minun* ini berkisar pada hati dan anggota tubuh badan.

Perkataan yang digunakan untuk menggambarkan hati seperti: “tunduk hati” (Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs. 2004. cat. Kaki no.1055), “merendah diri dengan hati” (A.Hassan. 1975. cat. Kaki no.2393), “hati yang tenang dan takut” (Mahmud Yunus. 1878M/1398H) dan “sepenuh-penuh hormat dengan hati” (Abdullah Basmeih. 1998. cat. Kaki no.1057).

Perkataan yang digunakan untuk menggambarkan khusyuk oleh anggota tubuh badan ini seperti “tawaduk” *Tafsirul-Jalalayn* (2003); “merendah diri dengan anggota” (A.Hassan. 1975. cat. Kaki no.2393) dan “sepenuh-penuh hormat dan ingatan meliputi anggota-anggota badan” (Abdullah Basmeih. 1998. cat. Kaki no.1057). Selain itu, ingatan atau akal juga digunakan seperti “tetap ingatan” (Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs. 2004. cat. Kaki no.1055) dan “memperhatikan apa-apa yang dibaca dalam sembahyang” (Mahmud Yunus. 1878M/1398H)

Maka apabila membandingkan tafsiran dan penjelasan daripada para ulama tafsir ini, didapati saling menguatkan. Hal ini yang didapati juga oleh Ibn Taymiyyah dalam kitabnya *Muqaddimatun fi usulit-tafsiri* (1972M/1392H). Ibn Taymiyyah mendapati dan menegaskan dengan membuat satu sub bab dalam kitabnya tersebut, iaitu *faslun fi ikhtilafis-salafi fit-tafsiri wa annahu ikhtilafun tanawwu’un* (Fasal mengenai perbezaan ulama-ulama salaf dalam tafsir, ia adalah perbezaan variasi).

Jadual 5: Tafsir dan penjelasan ulama Nusantara terhadap tafsir ayat khusyuk dalam surah *al-Mu’minun*

No.	tafsir dan penulis	Tafsiran	Penjelasan
1.	<i>Tafsirul-Jalalayn</i> karya al-Mahalli dan as-Suyuti	<b>Tawaduk</b> [الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ	-

**Khusyuk Dalam Solat: Analisis Perbandingan Makna Khusyuk Diantara 222  
Tafsir Al-Jalalayn Dan Tafsir Melayu Nusantara**

		خَائِعُونَ: مُتَوَاضِعُونَ،	
2.	Tafsir Quran Karim karya Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs.	“... Mereka yang <u>khusyu</u> <sup>1055</sup> dalam sembahyangnya”.	“... <sup>1055</sup> ) Khusyu’ artinya <u>tunduk hati dan tetap ingatan kepada Tuhan ketika mengerjakan sembahyang atau ketika memohonkan do’a kepadaNya</u> ”.
3.	Tafsir al-Furqan karya A.Hassan	“... Yang <u>khusyuk</u> <sup>2393</sup> didalam sembahyang mereka”.	“... <sup>2393</sup> Khusyuk: <u>Merendah diri dengan anggota dan hati</u> ”.
4.	Tafsir Quran Karim karya Mahmud Yunus	“... (Yaitu) mereka yang <u>khusyu</u> ’ dalam sembahyangnya”.	“... Arti khusyu’ itu ialah <u>berhati tenang dalam sembahyang dan takut kepada Allah serta memperhatikan apa-apa yang dibaca dalam sembahyang</u> ”.
5.	Tafsir pimpinan al-Rahman karya Abdullah Basmeih	“... Iaitu mereka yang <u>khusyu</u> ’ dalam sembahyangnya; <sup>(1057)</sup> ”.	“... (1057) <u>Sembahyang</u> yang sempurna ialah yang dikerjakan dengan <u>khusyu</u> ’, <u>ya’ni dengan sepenuh-penuh hormat dan ingatan meliputi anggota-anggota badan dan hati</u> ”.

## 6. PENUTUP

Berdasarkan seluruh kajian analisis yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa khusyuk, baik dalam kamus-kamus bahasa Arab, kitab-kitab tafsir klasik, kontemporari dan tafsir-tafsir Nusantara serta kitab-kitab hadith yang muhtabar dan kitab-kitab syarahnya adalah bermakna luas dan digunakan secara meluas serta tidak hanya dalam solat semata. Khusyuk dengan kepelbagaian maknanya adalah sifat bagi seorang yang beriman. Seseorang yang beriman akan mempunyai sifat khusyuk dan akan terlihat sifat khusyuk ini dalam dirinya. Baik dalam hubungannya dengan Allah SWT, iaitu dalam akidah dan ibadah, mahupun dalam hubungannya dengan sesama manusia, iaitu dalam akhlak.

Orang yang paling khusyuk dan paling sempurna sifat khusyuknya baik dengan Allah SWT mahupun dengan manusia adalah Nabi Muhammad SAW. Maka tidak hairan kita diperintah untuk merujuk

kepada baginda SAW dalam setiap hal dan permasalahan. Ini kerana Rasulullah SAW adalah contoh dan suri tauladan yang terbaik sepanjang masa, untuk semua orang dan dalam apa jua keadaan. Maka, Maha Besar Allah SWT yang telah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

“Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul(Nya), dan ulil amri diantara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya”.

Surah *al-Nisa'* (4):59.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

“Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri tauladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.

Surah *al-Ahzab*, (33):21.

Allah SWT telah berpesan kepada umat Islam yang beriman kepada Allah SWT dan pada hari kemudian untuk merujuk pada pada al-Quran dan sunnah-sunnah Nabi-Nya SAW. Tujuannya tidak lain dan tidak bukan adalah agar umat Islam tidak tersesat pada kebaikan yang hanya bersandar pada pertimbangan pemikiran semata dan juga keuntungan duniawi yang hanya bersumber daripada hawa nafsu sahaja.

Oleh itu, umat Islam adalah umat yang paling bertuah berbanding umat-umat yang lain yang diberikan dua kitab utama al-Quran dan sunnah-sunnah Nabi-Nya SAW sebagai tempat rujukan pada pelbagai masalah. Maka, adalah menjadi satu kewajiban bagi umat Islam yang

**Khusyuk Dalam Solat: Analisis Perbandingan Makna Khusyuk Diantara 224  
Tafsir Al-Jalalayn Dan Tafsir Melayu Nusantara**

beriman kepada Allah SWT dan kepada Nabi Muhammad SAW untuk merujuk pada al-Quran dan sunnah-sunnah Nabi-Nya SAW dalam setiap permasalahan.

**RUJUKAN**

*Al-Qur'anul-Karim.*

*Al-Qur'an al-Karim dan terjemahannya ke dalam bahasa Indonesia.* (t.th.) Dicitak dengan biaya peribadi dari Yang Mulia Pangeran al-Walid bin Thalal bin Abdul Aziz Ali Sa'ud semoga Allah melimpahkan pahalanya. Riyadh: Dicitak dibawah pengawasan perwakilan bahagian percetakan dan penerbitan pada Kementrian Agama, Waqaf, Da'wah dan Bimbingan Islam.

Abdullah Basmeih. (1998). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Quran.* (Edisi Jawi). Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.

Abdullah Basmeih. (2002). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Quran* (Edisi Rumi). Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.

Abdullah Basmeih. (2007). *Tafsir Ar-Rahman: Interpretation of the meaning of the Quran (30 parts)* (Edisi Bahasa Inggeris). Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.

'Abdul-Baqiyy. (1407H/1987M). *Al-Mu'jamul-mufahrasu lil-Alfazil-Qur'anil-Karim.* Kaherah: Darul-Hadith.

Al-'Askariyy. (t.th). *Al-Furuqul-lughawiyyah.* Haqqaqahu wa allaqa 'alayh Muhammad Ibrahim Salim. Kaherah: Darul-Ilm wath-Thaqafah.

Al-'Askariyy. (1433H). *Mu'jamul-furuqil-lughawiyyatil-hawi li kitab Abi Hilal Al-'Askariyy wa juz'an min kitab as-Sayyid Nurud-Din al-Jaza'iriyy.* Tahqiq: Mu'assasatun-Nashril-Islami. Muhammad Ibrahim Salim. Cetakan keenam. Iran: Mu'assasatun-Nashril-Islami.

Ayah Hassan. (1975) -Edisi Jawi. *Al-Furqan tafsir Quran*. Cetakan kelima. Kelantan: Pustaka Aman Press.

Badawi, Elsaid M. & Muhammad Abdel Haleem. (2008). *Arabic-English dictionary of Quranic usage*. Leiden: Brill.

Barakat. (1388H/1968M). *Al-Murshidu ila ayatil-Quranil-Karimi wa kalimatih*. Cetakan ketiga. t.tp: Maktabatut-Tarabishiyy.

Chandra Deruja. (2012). *Pengaruh dan sumbangan A. Hassan terhadap institusi-institusi sunnah di Indonesia*. Disertasi sarjana Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-Dhahabi. (2000). *At-Tafsiru wal-mufassirun*. 3 jil. Kaherah: Maktabah Wahbah.

al-Khalil ibn Ahmad. (2003M/1424H). *Kitabul-‘Ayni murattaban ‘ala hurufil-mu’jami*. Tartib wa tahqiq ‘Abdul-Hamid al-Handawi. 4 jil. Beirut: Darul-Kutubil-‘Ilmiyyati.

Al-Fayyumi. (t.th). *Al-Misbahul-muniru fi gharibish-sharhil-kabiri lir-Rafi’i*. Tahqiq: ‘Abdul-‘Azim Ash-Shanawiyy. Cetakan kedua. Kaherah: Darul-Ma’arif.

Fikri Ihsan Mingka. (2013). Tafsir Quran Karim Karya H. Zainuddin Hamidy dan Fachruddin H.S. Dalam talian: <http://fikrihsan12.blogspot.my/2016/10/tafsir-quran-karim-karya-h-zainuddin.html> [09-03-2018].

Al-Ghazali. (1995). *Khusyuk dalam solat:kunci kerehatan jiwa* (terj.). Kuala Lumpur: Darul Taqwa.

Al-Ghazziyy. (1997M/1418H). *Al-Kawakibus-sa’iratu bi’a’yani-mi’atil-‘ashirati*. Wada’a hawashiyahu Khalil al-Mansur. 3 jil. Beirut: Darul-Kutubil-‘Ilmiyyati.



**Khusyuk Dalam Solat: Analisis Perbandingan Makna Khusyuk Diantara 226  
Tafsir Al-Jalalayn Dan Tafsir Melayu Nusantara**

Ibrahim Hashim et.al. (2018). *Fahami bacaan dalam solatmu asas khusyuk ketika solat*. Batu Caves, Selangor: PTS Publishing House.

Ibrahim. (t.th). *Mu'jamul-alfazi wal-a'lamil-Quraniyyati*. Cetakan kedua. Kaherah: Darul-Fikr ar-'Araniyy.

Ibrahim, Bakar Muhammad. (2012). *Rahsia kekhusyukan wanita dalam solat* (terj.). Selangor: Berlian Publications Sdn. Bhd.

Ibn Durayd. (1345H-1351H). *Jamharatul-lughah*. 4 jil. Hyderabad Deccan: Matba'ah Majlis Da'iratul-Ma'arifi al-'Uthmaniyati al-Ka'inati dan Kaherah: Mu'assasah al-Halabi.

Ibn Faris. (1979M/1399H). *Mu'jamu maqayisil-lughati*. Tahqiqun wa dabtun 'Abdus-Salam Muhammad Harun. 6 jil. Beirut: Darul-Fikri.

Ibnul-'Imad. (1986M/1406H). *Shadharatudh-dhahabi fi akhbari man dhahaba*. 10 jil. Ashrafa 'ala tahqiqihi wa kharraja ahadithiha 'Abdul-Qadir al-Arnaut. Haqqaqahu wa 'allaq 'alayh Mahmud al-Arnaut. Damshiq dan Beirut: Dar Ibn Kathir.

Ibn Kathir. (1997M/1417H). *Al-Bidayah wan-nihayah*. 21 jil. Tahqiq Dr. 'Abdullah 'Abdul-Muhsin at-Turkiyy dengan kerjasama *Markazul-buhuthi wad-dirasatil-'Arabiyyati wal-Islamiyyati bi Dar Hijr*. Giza: Hijr.

Ibn Manzur. (t.th). *Lisanul-'Arabi*. 6 jil. Taba'atun jadidatun muhaqqaqatun wa mashkulatun shaklan kamilan wa mudhayyalatun bi faharisa mufassalatin. Kaherah: Darul-Ma'arif.

Ibn Taymiyyah. (1392H/1972M). *Muqaddimatun fi usulit-tafsiri*. Cetakan kedua. Tahqiq: Dr. Adnan Zurzur. t.tp: t.pt.

Idul Hilal, Salim bin. (t.th). *Keajaiban khusyuk dalam solat: mengupas pengaruh solat yang khusyuk dalam kehidupan seharian* (terj.). Kuala Lumpur: S.A. Majeed & Co. Sdn. Bhd.

**227** Mabruri Mohammad Sai, Aminudin Bin Basir, Mohamad Sabri Haron,  
Khairul Anwar

'Itaniyy. (1421H/2000M). *al-Mu'jamul-mufaddalu li mawadi'il-Qur'anil-munazzali*. Beirut: Darul-Ma'rifah.

*Kamus Dewan*. (2007). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Mahalli & As-Suyuti. (t.th.) *Al-Qur'anul-karimu bir-rasmil-'uthmaniyy wa bihamishihi tafsirul-imamayn al-jalilayn*. mudhayyan bi kitabi lubabin-Nuquli fi asbabin-Nuzuli lis-Suyuti. Qaddama lahu Fadilatul-Muhaddithi al-Muhaqqiqi al-Shaykhi 'Abdul-Qadir al-Arna'ut. t.tp: Dar Ibn Kathir.

Al-Mahalli & As-Suyuti. (2003). *Tafsirul-Jalalaynil-muyassari*. Haqqaqahu wa 'allaqa 'alayh Dr. Fakhrud-Din Qubawah. Beirut: Maktabah Lubnan Nashirun.

Mahmud Yunus. (1978M/1398H). *Tafsir Quran Karim bahasa Indonesia*. Cetakan ke-18. Jakarta: P.T. Hidakarya Agung.

Mawardi Labay El-Sulthani. (2001). *Zikir dan do'a mendirikan shalat yang khushyuk mencegah manusia dari perbuatan Keji dan Mungkar*. Cetakan Kesembilan. Jakarta: Al-Mawardi Prima.

Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir & Mohd najib Abdul Kadir. (2009). *Pengenalan tokoh dan kitab-kitab tafsir Melayu Ulama Nusantara*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Mohd. Ridzuan Awang & Mohd. Zamro Muda. (2006). *Abdullah Basmeih: Riwayat hidup dan sumbangannya kepada perkembangan ilmu-ilmu Islam di Malaysia*. Dlm. Farid Mat Zain, Jaffary Awang & Rabitah Mohd. Ghazali (pngr.). *Prosiding nadwah ulama Nusantara III: ketokohan dan pemikiran ulama Melayu*, hlm. 501-510. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Khusyuk Dalam Solat: Analisis Perbandingan Makna Khusyuk Diantara 228  
Tafsir Al-Jalalayn Dan Tafsir Melayu Nusantara**

Mujamma'ul-Lughatil-'Arabiyyati. (2004M/1425H). *al-Mu'jamul-wasitu*. Cetakan keempat. Kaherah: Maktabatush-Shuruqi ad-Dawliyyatu.

Al-Muqaddasiyy. (1323H). *Fathur-Rahmani li Talibi ayatil-Qurani*. Beirut: Al-Matba'atul-Ahliyyatu.

M. Quraish Shihab, et.al. (2007M/1428H). *Ensiklopedia Al-Qur'an kajian kosakata*. Jakarta: Lentera Hati, Pusat Studi Al-Qur'an dan Yayasan Paguyuban Ikhlas.

Ar-Razi. (1986). *Mukhtarus-Sihhah*. Tab'atan mudaqqiqatan kamilatat-Tashkili wa mumayyizatal-madakhil. Beirut: Maktabah Lubnan.

As-Suyuti. (1387H/1967M). *Husnul-muhadarati fi tarikhi Misra wal-Qahirati*. 2 Jilid. Tahqiq: Muhammad Abul-Fadl Ibrahim. Kaherah: Daru Ihya'il-Kutubil-'Arabiyyati 'Isa al-Babil-Halabiyy wa shuraka'uh.

As-Suyuti. (2003M/1424H). *Ad-Durrul-manthuru fit-tafsiri bil-ma'thuri*. Tahqiq Dr. 'Abdullah ibn 'Abdul-Muhsin at-Turkiyy dengan kerjasama Markaz Hijr lil-Buhuthi wad-Dirasatil-'Arabiyyati wal-Islamiyyati Dr. 'Abdus-Sanad Hasan Yamamah. 17 Jil. Muhandisin: Markaz Hijr lil-Buhuth wad-Dirasatil-'Arabiyyati wal-Islamiyyati Dr. 'Abdus-Sanad Hasan Yamamah.

Unit Terjemahan Telaga Biru Sdn. Bhd. (2011). *Nurul furqan: Juzu 'Amma. Tafsir al-Quran berdasarkan tafsir al-Jalalain* (terj.). Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Wikimedia Foundation, Inc. (2001). Zainuddin Hamidy. Dalam talian: [https://id.wikipedia.org/wiki/Zainuddin\\_Hamidy](https://id.wikipedia.org/wiki/Zainuddin_Hamidy) [09-03-2018].

Wikimedia Foundation, Inc. (2001). Ahmad Hassan. Dalam talian: [https://id.wikipedia.org/wiki/Ahmad\\_Hassan](https://id.wikipedia.org/wiki/Ahmad_Hassan) [20-7-2016].

Wikimedia Foundation, Inc. (2001). Mahmoed Joenoes. Dalam talian: [https://id.wikipedia.org/wiki/Mahmoed\\_Joenoes](https://id.wikipedia.org/wiki/Mahmoed_Joenoes) [10-8-2016].

**229** Mabruhi Mohammad Sai, Aminudin Bin Basir, Mohamad Sabri Haron,  
Khairul Anwar

Wikimedia Foundation, Inc. (2001). Zainuddin Hamidy. Dalam talian:  
[https://id.wikipedia.org/wiki/Zainuddin\\_Hamidy](https://id.wikipedia.org/wiki/Zainuddin_Hamidy) [09-03-2018].

Wikimedia Foundation, Inc. (2001). Abdullah Muhammad Basmeih. Dalam talian  
[https://ms.wikipedia.org/wiki/Abdullah\\_Muhammad\\_Basmeih](https://ms.wikipedia.org/wiki/Abdullah_Muhammad_Basmeih). [06-04-2018].

Az-Zabidi. (1965M/1385H-2001M/1422H). *Tajul-‘arusi min jawahiril-qamusi*. Tahqiq: ‘Abdus-Sattar Ahmad Faraj. 40 jil. Kuwait: Matba’atun Hukumatun al-Kuwaiti.

Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs. (t.th). *Tafsir Quran naskah asli – terjemah- keterangan lengkap 30 juz*. Tjetakan keempat. Johor Baharu: H. Sabirin bin H. M. Annie.

Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs. (2004). *Tafsir Quran naskah asli –terjemah- keterangan lengkap 30 juz*. Cetakan ketujuh. Kuala Lumpur: Klang book centre.